



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNP			

### *PHD potong, cabut 200 pokok sawit ditanam secara haram*

**Kuantan:** Operasi Cincang yang dilaksanakan Pejabat Hutan Daerah (PHD) mengambil masa sejam untuk memusnahkan lebih 200 pokok sawit yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Lepar di sini, semalam.

Pokok sawit berusia antara lima hingga tujuh bulan itu didapati ditanam di bekas kawasan matau atau pusat pengumpulan balak di Kompatmen 37 membabitkan kawasan seluas 1.78 hektar.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Kuantan, Pekan dan Maran Norshazlee Roslee berkata, penceroboh-

han Hutan Simpan Lepar itu dipercayai dilakukan selepas lesen pembalakan di kawasan berkenaan tamat tempoh kerja.

Menurutnya, individu yang melakukan kegiatan itu dipercayai sudah biasa dengan kawasan terbabit. Dia seolah-olah mengambil peluang menanam pokok sawit selepas aktiviti pembalakan selesai.

Katanya, hasil rondaan dilakukan Unit Tindakan Khas (UTK) PHD Kuantan, Pekan dan Maran menemui kawasan tanaman kelapa sawit berkenaan yang dipercayai

ditanam lima hingga tujuh bulan lalu.

"Kita ambil keputusan mengadakan Operasi Cincang hari ini (semalam) yang disertai lebih 40 kakitangan PHD Kuantan, Pekan dan Maran termasuk Unit Penguat Kuasa Zon Pahang Timur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan pemantauan sepenuhnya oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjamin keselamatan.

"Hanya dalam masa sejam semua pokok sawit dimusnahkan dengan mencabut dan memotongnya," kata-

nya yang turut menyertai operasi berkenaan.

Turut sama Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP Nor Azirim Ahmad.

Beliau berkata, pihaknya gagal mengesan dalang menceroboh untuk menanam lebih 200 pokok sawit dalam Hutan Simpan Lepar itu.

Norshazlee berkata, pihak yang menceroboh serta memasuki hutan simpan tanpa permit untuk apa juga tujuan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.



KERJA memusnahkan 200 pokok sawit dalam Operasi Cincang di Hutan Simpan Lepar.

